


Berit@UTeM

www.utem.edu.my | Edisi Januari - Mac 2016

Syarahan Umum Dr. Zakir Naik

Perutusan
Naib Canselor 2016

Anugerah
Akademik Universiti
(AAU)



20 RIBU HADIRI syarahan umum Dr. Zakir Naik di UTeM

Lebih 20,000 orang termasuk bukan Islam menghadiri program syarahan umum penceramah ulung antarabangsa, Dr Zakir Naik di Dewan Besar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Dalam syarahan bertajuk Islam: Masalah dan Penyelesaian Untuk Kemanusiaan itu yang telah berlangsung lebih dua jam itu, Dr. Zakir telah menyentuh pelbagai isu berkaitan permasalahan umat Islam meliputi pelbagai aspek dan bidang.

Dr. Zakir turut menyentuh peranan media antarabangsa yang banyak memberi gambaran yang salah mengenai Islam sehingga agama itu sering disalah anggap sebagai pencetus kepada kegiatan keganasan dan ekstremis kepada penganut agama lain di seluruh dunia.

Beliau berkata, umat Islam sepatutnya mempertahankan diri mereka dan cuba memperjuangkan hak bahawa agama itu tidak menyuruh umatnya untuk bertindak di luar batasan.

“Kita dapat lihat selepas tragedi 11 September, semakin ramai orang bukan Islam di Eropah dan Amerika Syarikat yang memeluk agama Islam. Ini menunjukkan walaupun Islam dilabelkan sebagai pengganas susulan kejadian itu tetapi semakin ramai bukan Islam yang tahu kesucian agama Islam.

Sementara itu, Ketua Menteri Datuk Seri Idris Haron dalam ucapan ringkasnya berkata, kerajaan negeri sentiasa menyokong usaha beliau bagi memberi penerangan jelas mengenai Islam yang menjadi agama rasmi di negara ini dan turut memuji usaha

UTeM yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis ilmu tersebut.

Yang turut hadir bekas Ketua Menteri, Tan Sri Mohd Ali Rustam, barisan exco kerajaan negeri, Pro Canselor UTeM Datuk Wira Ismail Saleh dan Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib.



SIDANG EDITORIAL **Berit@UTeM**

Ketua Editor
Fazidah Ithnin


Wartawan
Zulfatria Abdullah

Tengku Nur Nadhirah Tengku
Md Saabri

Reka Letak Grafik
Shahril Hazizi Abu Bakar

Jurufoto
Jurufoto Rasmi Universiti

Pengedaran
Mohamad Haffize Ramli



Pelaksanaan TPPA beri kesan positif kepada bidang pendidikan tinggi

Pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dilihat akan memberi kesan positif kepada bidang pendidikan tinggi di negara ini sekaligus mampu mempertingkatkan kedudukan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi terunggul di rantau ini.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, semua pihak terutamanya universiti awam perlu melihat peluang yang akan muncul melalui pelaksanaan TPPA itu yang bakal memberikan pelbagai keuntungan kepada rakyat dan negara.

“Saya menyeru warga universiti terutamanya ahli akademik UTeM untuk memahami isi kandungan TPPA yang menawarkan akses pasaran global membabitkan 12 negara. Dalam konteks pendidikan tinggi, saya yakin enrolmen pelajar antarabangsa dan kebolehpasaran produk penyelidikan yang dihasilkan oleh universiti dapat dipertingkatkan dengan lebih efisien” ujar beliau.

Beliau berkata, TPPA bukan sahaja transformasi berkaitan bidang ekonomi yang memberikan peluang pekerjaan dan penambahan pendapatan malahan ia juga mempunyai kebaikan dalam bidang pendidikan tinggi yang harus direbut oleh semua universiti di negara ini.

Jelas beliau, seluruh warga universiti perlu memainkan peranan penting dalam menjadikan negara lebih maju dan terus kekal berdaya saing semasa pelaksanaan TPPA nanti.

“UTeM juga telah lama memberi penumpuan dalam pembangunan bidang tujuhan utama (niche) iaitu Teknologi Pembuatan Termaju (AMT) dan Teknologi Pembuatan Lestari (SMT) yang turut ditekankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi memastikan negara mempunyai daya saing yang terus kukuh” ujar beliau selepas menyampaikan amanat dalam majlis Perutusan Naib Canselor UTeM di Dewan Besar Kampus Induk Durian Tunggal.

Majlis bertemakan “Mentransformasi Bakat, Melonjak Kejayaan” itu turut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid, pengurusan kanan dan pegawai universiti serta barisan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM.



Kembangkan budaya e-Pembelajaran

Ahli akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) digalakkan supaya memperkembangkan budaya e-Pembelajaran di universiti seiring perkembangan pesat dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) pada masa ini.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, usaha itu sekali gus dapat merealisasikan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 terutama dalam pendekatan pembelajaran dalam talian tahap global

"Para ahli akademik merupakan nadi dan jiwa bagi merealisasikan harapan dan impian universiti untuk menjadikan pendidikan tinggi di sesebuah universiti itu mencapai kejayaan," katanya dalam majlis Anugerah Akademik Universiti (AAU) UTeM 2015.

Menurut beliau, UTeM sentiasa komited untuk terus menghargai sumbangan ahli akademiknya yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam aspek pengajaran, penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan yang merupakan pemangkin -

ke arah menjadikan UTeM sebagai sebuah universiti teknikal awam yang cemerlang dan terbilang.

Yang turut hadir, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi negeri Datuk Wira Md Yunus Husin Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali dan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail.

Dalam majlis itu, sebanyak 10 kategori dipertandingkan dengan penambahan kategori baharu iaitu Anugerah Inovasi e-Pembelajaran selain Anugerah Penerbitan Buku yang dipecahkan kepada dua sub kategori iaitu Penerbitan Buku Sains dan Teknologi serta Penerbitan Buku Kemanusiaan dan Sosial Sains.

Lain-lain anugerah termasuk Anugerah Pengajaran, Anugerah Penyelidikan, Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk, Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal, Anugerah Kualiti Makalah Jurnal, Anugerah Khas Kumpulan, Anugerah Akademik Harapan dan Anugerah Tokoh Akademik.



UTeM ANJUR PROGRAM CERAPAN GERHANA MATAHARI

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menganjurkan Program Cerapan Gerhana Matahari Separa bagi memberi peluang kepada pelajar dan masyarakat setempat menyaksikan cerapan gerhana matahari separa pada 9 Mac lalu.

Program julung kali anjuran Pusat Islam yang berlangsung di perkarangan Masjid Sayyidina Abu Bakar Kampus Induk UTeM itu memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai fenomena astronomi tersebut selain menyemarakkan lagi aktiviti berbentuk sedemikian.

Pengarah Pusat Islam UTeM, Dr. Radzuan Nordin berkata, gerhana matahari hanya boleh berlaku ketika bulan baru iaitu apabila bulan berada antara Bumi dan Matahari.

"Gerhana matahari merupakan satu fenomena dimana matahari yang sedang bersinar secara perlahan-lahan menjadi gelap sebahagian atau keseluruhannya, kerana dihalang oleh bulan yang berada diantara matahari dan bumi" ujar beliau.

Katanya, di Malaysia hanya akan berlaku gerhana matahari separa sahaja dan kesan perubahan cahaya tidak dapat dilihat dengan penuh tetapi masih tetap menarik kerana dapat melihat bulan ditutup separuh oleh matahari.

Program mesra masyarakat itu bermula jam 7.20 pagi dengan pelbagai pengisian program termasuk solat sunat dan khutbah, aktiviti cerapan serta pameran. Pihak penganjur turut menyediakan kemudahan teleskop dan binokular selain layar TV bagi menyaksikan fenomena tersebut.

Beliau berkata, penganjuran program itu telah meningkatkan lagi minat warga UTeM dan masyarakat di negeri ini untuk mempelajari dengan lebih mendalam mengenai bidang astronomi serta berkongsi pengalaman dan meningkatkan ketaqwaan terhadap Allah S.W.T.

Yang turut hadir pada program tersebut adalah Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Datuk Wira Md Yunus Husin, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib serta pegawai-pegawai kanan UTeM.



TAN SRI DATUK IR. DR. HJ AHMAD TAJUDDIN BIN ALI DILANTIK Pengerusi LPU UTeM

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengumumkan pelantikan Tan Sri Datuk Ir. Dr. Haji Ahmad Tajuddin Ali sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UTeM yang baharu.

Pelantikan itu berkuatkuasa mulai 16 Februari 2016 hingga 15 Februari 2019 bagi menggantikan Tan Sri Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin yang telah tamat tempoh perkhidmatan pada 16 Julai 2015 yang lalu. Tan Sri Datuk Ir. Dr. Haji Ahmad Tajuddin Ali merupakan Pengerusi Pengerusi UEM Group Berhad, Pengerusi UEM Sunrise Berhad dan PLUS Expressways International Berhad serta pengerusi kepada beberapa organisasi lain seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Akademi Sains Malaysia dan Pengerusi Bersama Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT). Beliau turut pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan SIRIM Berhad.

Tan Sri Datuk Ir. Dr. Haji Ahmad Tajuddin Ali memperolehi Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dari King's College University of London, Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kejuruteraan Nuklear dari Queen Mary College, University of London serta Ijazah Pasca Kedoktoran dalam bidang Nuclear Reactor Operations dari Oregon State University dan Pennsylvania State University.

Kualiti dan kecemerlangan sepanjang kerjaya serta sumbangan profesionalnya membolehkan beliau meraih

beberapa anugerah seperti 1995 Japan External Trade Organisation (JETRO) Award, 1996 Institution of Engineers Malaysia Award, 1997 Honorary Colonel, 70th Regiment, Territorial Army dan Anugerah Tokoh Terkemuka 2009 oleh Malaysia Construction Industry Excellent Award (MCIEA).

Pada tahun 2014 yang lalu, UTeM telah menganugerahkan ijazah kehormat Doktor Kejuruteraan Elektrik kepada Tan Sri Datuk Ir. Dr. Haji Ahmad Tajuddin Ali bagi mengiktiraf kepakaran, sumbangan jasa dan bakti yang telah dicurahkan beliau terhadap pembangunan sistem bekalan elektrik negara ketika menerajui Tenaga Nasional Berhad (TNB).

UTeM juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan menyanjung tinggi sumbangan bakti yang telah dicurahkan oleh Tan Sri Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin yang telah banyak menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan UTeM sebagai sebuah universiti teknikal awam yang tersohor dalam dan luar negara.

UTeM yakin dengan rekod kepimpinan dan pencapaian pendidikan yang cemerlang, Tan Sri Datuk Ir. Dr. Haji Ahmad Tajuddin Ali akan dapat membantu universiti memacu peningkatan berterusan ke arah kecemerlangan pendidikan teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.



TAHNIAH
Perlantikan sebagai
PENGERUSI LPU
16 Februari 2016 - 15 Februari 2019

Graduan UTeM jadi buruan industri

Graduan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus menjadi buruan pihak industri dengan sebahagian besar telah mendapat pekerjaan sebaik sahaja menamatkan pengajian.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, kajian pengesanan graduan yang dibuat pihaknya mendapati lebih 60% pelajar UTeM peringkat ijazah sarjana muda dan diploma telah bekerja sebaik sahaja menamatkan pengajian, manakala bakinya memilih untuk melanjutkan pengajian.

"Sebahagian besar daripada mereka memperoleh pekerjaan dalam sektor industri terkemuka negara termasuk syarikat-syarikat antarabangsa yang terkemuka" ujar beliau. Beliau berkata, ia jelas membuktikan kemampuan universiti tersebut menghasilkan graduan berkemahiran tinggi dan memenuhi kehendak pihak industri.

Katanya, UTeM akan terus komited untuk melahirkan graduan dalam bidang Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) yang berkualiti bagi memenuhi permintaan pasaran kerja TVET berjumlah 1.3 juta dibawah sektor Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) menjelang 2025 nanti.

"Dalam aspek jaringan strategik, UTeM telah lama bekerjasama dengan syarikat-syarikat terkemuka dalam dan luar negara melalui penubuhan pusat kecemerlangan industri (I-CoE)

graduan serta perkongsian kepakaran" ujar beliau ketika ditemui selepas menerima kunjungan dari Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) di Kampus Induk UTeM disini.

Dalam pertemuan tersebut, pelbagai isu telah dibincangkan oleh kedua-dua pihak termasuk kerjasama strategik kedua-dua pihak, projek pembinaan rumah Alumni, tabung waqaf Alumni dan kebolehpasaran graduan.

Turut hadir dalam pertemuan tersebut, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UTeM Prof. Dr. Mohd Ridzuan Nordin, Presiden AUTeM Azrul Aziz, Pengarah Pusat Pengurusan Alumni Mohd Amin Mohamad dan barisan exco AUTeM.



Guna 'hoverboard' cari buku di UTeM

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjadi universiti awam (UA) pertama di negara ini memperkenalkan penggunaan 'hoverboard' di dalam perpustakaan miliknya.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, kemudahan itu disediakan bagi memudahkan pergerakan penuntut dan kakitangan universiti itu mencari buku.

"Langkah ini seiring dengan perkembangan gajet generasi muda masa kini, sekali gus menarik minat mereka ke perpustakaan.

"Selain itu kami turut memperkenalkan dua lagi perkhidmatan baru di perpustakaan kami iaitu sistem Bookshelf Navigator dan Sistem Tempahan Bilik Dalam Talian," katanya ketika melancarkan ketiga-tiga perkhidmatan baru itu di Perpustakaan UTeM Kampus Durian Tunggal, hari ini.

Menurutnya, sistem Bookshelf Navigator menjimatkan masa pengguna mengesan lokasi buku pada rak dengan sistem navigasi 3D turut dilengkapi audio dalam Bahasa Inggeris.



Zulfatria Abdullah  Jurufoto Rasmi Universiti 

UTeM, Talent Corp lancar Ind-E-Zone, bantu pelajar cari pekerjaan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Talent Corporation Malaysia Berhad (Talent Corp) telah melancarkan Zon Pembabit Industri (Ind-E-Zone) pada 11 April lalu bertujuan membantu pelajar mendapatkan pekerjaan sebaik tamat pengajian.

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UTeM Prof. Dr. Mohd Ridzuan Nordin berkata, penubuhan zon tersebut amatlah bertepatan dengan komitmen UTeM yang sentiasa berusaha untuk memperingkatkan laluan kerjaya para pelajarannya.

"Sebagai sebuah universiti teknikal awam pertama di negara ini, UTeM sentiasa komited untuk melahirkan graduan yang kompeten dan berkualiti dalam bidang Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) bagi memenuhi keperluan pasaran pekerja mahir negara menjelang 2025 nanti" ujar beliau.

Menurut beliau lagi, Ind-E-Zone akan berperanan sebagai pusat sehenti maklumat kerjaya bagi meningkatkan kebolehpkerjaan para pelajar di negara ini sekaligus merapatkan jurang antara majikan dan universiti.

"UTeM mengucapkan terima kasih kepada pihak TalentCorp yang komited dalam mewujudkan inisiatif tersebut bagi menghubungkan para pelajar UTeM dengan pihak industri" ujar beliau dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Katanya, penubuhan Ind-E-Zone di Perpustakaan UTeM itu bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan maklumat dan peluang berkaitan kerjaya malahan turut dilihat memperkasakan peranan perpustakaan sebagai gudang ilmu dan pusat rujukan.

Pelancaran pusat tersebut telah disempurnakan oleh Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi negeri, Datuk Wira Md Yunus Husin dan turut dihadiri oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib, pengurusan kanan UTeM dan TalentCorp.



Majlis Profesor UTeM komited lahir idea inovatif

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yakin penubuhan Majlis Profesor UTeM (MPU) yakin dapat melahirkan idea inovatif bagi membantu kerajaan negeri dalam pembangunan negeri ini meliputi bidang pendidikan, ekonomi, sosial dan budaya.

Pengerusi MPU Prof. Datuk Dr. Mohd Ruddin Ab. Ghani berkata, MPU ditubuhkan pada 16 Oktober 2015 itu akan memudahkan kerajaan negeri menggembeling kepakaran akademik profesor UTeM secara kolektif bagi tujuan membantu program pembangunan dan kemajuan rakyat di negeri ini.

Menurut beliau, MPU yang ditubuhkan pada 16 Oktober 2015 itu mempunyai keanggotaan seramai 33 orang profesor dan melibatkan sebanyak 14 kluster termasuk pendidikan, perubatan, teknologi maklumat, kejuruteraan, ekonomi dan pengurusan

"MPU merupakan platform bagi mengenalpasti masalah masyarakat setempat dan seterusnya menjana idea-idea baharu yang dilihat dapat mewujudkan hubungan yang baik antara semua agensi kerajaan dan wakil masyarakat dengan penglibatan daripada setiap kluster," ujar beliau.

Beliau berkata, MPU juga menjadi badan pemikir berwibawa dan pemangkin perubahan yang menyumbang idea untuk membantu UTeM, negeri Melaka dan negara untuk menjadi lebih maju seiring dengan perkembangan semasa.

"MPU bersedia untuk menyumbang kepakaran dalam bidang-bidang seperti teknologi hijau, perindustrian, pelancongan, inovasi dan penyelidikan dengan semua pihak termasuk agensi kerajaan persekutuan dan negeri" ujar beliau ketika ditemui selepas mengadakan dialog MPU bersama Ketua Menteri Datuk Seri Idris Haron di Kampus Induk Durian Tunggal, baru-baru ini.

Jelasnya lagi, MPU juga bersedia untuk melaksanakan program khidmat masyarakat seperti ceramah motivasi, latihan, dan lain-lain kepada pelajar-pelajar sokolah dan masyarakat dengan melibatkan pihak Japerun dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK).

Mohd. Ruddin berkata, sepanjang tahun 2015 lalu MPU telah menganjurkan pelbagai aktiviti termasuk dialog bersama kerajaan negeri dan Majlis Profesor Negara, program bersama Rumah Seri Kenangan Cheng serta lawatan ke Sekolah Harapan dan Rumah Harapan (SHRH) Melaka.



Xplorasi Robot UTeM pupuk minat STEM

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Program Xplorasi Robot Peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Durian Tunggal pada 5 Mac lalu.

Program anjuran Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) UTeM dengan kerjasama Japerun Durian Tunggal dan Persatuan Pelajar FTK (FETSA) itu menyasarkan penyertaan murid-murid sekolah rendah yang terdapat di sekitar Durian Tunggal.

Dekan FTK Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff berkata, Xplorasi Robot UTeM bertujuan untuk meningkatkan penguasaan ilmu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dikalangan murid sekolah rendah.

Ujar beliau lagi, seramai 150 murid pelbagai bangsa dari 7 buah sekolah rendah telah menyertai program selama sehari itu yang turut bertujuan memupuk semangat kesedaran dan motivasi para murid dalam bidang STEM.

"Penganjuran program ini juga merupakan salah aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang sering dilakukan oleh UTeM bagi meningkatkan perkongsian ilmu antara universiti dan komuniti seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik UTeM" ujar beliau.

Beliau berkata, pelbagai aktiviti telah diadakan termasuk pertandingan robot, slot motivasi dan kerohanian bagi membimbing para murid untuk lebih meminati pelajaran yang berasaskan STEM kerana kebanyakan mereka beranggapan mata pelajaran berkenaan sukar dan kurang menarik untuk dipelajari.

"Program ini menyaksikan penglibatan para pelajar FTK yang berperanan untuk membangkitkan kesedaran adik-adik dari sekolah ini terhadap pendidikan STEM dan memupuk daya kreatif serta inovatif dalam kalangan mereka" ujar beliau lagi.

Program yang berlangsung di Kampus Teknologi UTeM Ayer Keroh itu telah dihadiri oleh Timbalan Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Datuk Md Rawi Mahmud. Ahli Dewan Undangan Negeri Durian Tunggal Datuk Hj Abdul Wahab Latip, Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib, pengurusan UTeM, Jawatankuasa Japerun Durian Tunggal dan masyarakat setempat.



KEM MOTIVASI UTeM cungkil potensi pelajar

Seramai 87 pelajar Sekolah Menengah Intiaz Ulul Albab menyertai Kem Motivasi "Neuro Linguistic Programme (NLP)" anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) selama tiga hari bertempat di Pusat Latihan Kokurikulum Kampus Induk Durian Tunggal.

Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti) UTeM Prof. Datuk Dr. Zolkepli Buang yang juga merupakan Yang Dipertua Muafakat sekolah tersebut berkata, kem motivasi itu memfokuskan kepada pembangunan potensi diri secara komprehensif terutamanya dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5 sekolah tersebut.

Menurut beliau, potensi diri akan menjadi aspek utama kepada pelajar untuk mencapai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang seimbang sekaligus melahirkan pemimpin yang cemerlang.

"Sepanjang program ini, para peserta diberikan pendedahan dalam aktiviti-aktiviti penghayatan nilai-nilai positif dan murni bagi menghasilkan sahsiah diri terpuji yang bertujuan membina keterampilan diri dan kewibawaan peserta sebagai aset yang mampu membawa nama sekolah dan negara ke arah kecemerlangan" ujar beliau.

Jelasnya, melalui kem itu, para pelajar turut didedahkan dengan teknik Software For Brain (S4B) iaitu program

transformasi minda yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi meningkatkan kualiti dan kredibiliti individu untuk mengharungi cabaran akan datang.

Turut hadir pada program itu, Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib, Pengarah Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) Prof. Madya Dr. Syed Najmuddin Syed Hassan, pegawai kanan universiti serta guru sekolah tersebut.



BASTEK PUPUK MINAT BIDANG TEKNIKAL DAN INOVASI

Seramai 70 orang pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) memperolehi pengalaman bermakna melalui penganjuran Program Bakti Siswa Teknikal (BASTEK) di Jerreh, Terengganu yang berlangsung baru-baru ini.

Program anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM itu telah memperlihatkan elemen teknikal dan inovasi didedahkan kepada pelajar-pelajar sekolah bagi menarik minat melanjutkan pengajian dalam bidang Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET).

Yang Dipertua MPP UTeM Ahmad Nawawi Mohd Amin berkata, program tersebut telah memberi pengalaman yang tidak diperolehi semasa kuliah di kampus dalam memupuk semangat kesukarelawanan pelajar sekaligus mewujudkan interaksi sosial dengan masyarakat.

"Kami yakin program BASTEK ini merupakan platform terbaik kepada pelajar UTeM untuk menyemarakkan lagi aktiviti kemasyarakatan dikalangan pelajar serta menerapkan elemen kemahiran insaniah bagi membentuk keseimbangan pembangunan modal insan" ujar beliau.

Menurut Ahmad Nawawi, sebanyak 35 keluarga dari lima buah kampung iaitu Kampung Alor Saji, Kampung Lay Out Gerai, Kampung Bukit Kenak, Kampung Gerai dan Kampung Pak Wong telah terlibat dalam penganjuran program keluarga angkat.

"Pelajar yang menyertai program ini turut mengambil peluang mempromosikan peluang pengajian di UTeM yang serta memberikan penerangan dan taklimat mengenai kepentingan pendidikan kepada anak-anak penduduk kampung yang terlibat" ujar beliau.

Jelas beliau lagi, program selama empat hari itu juga menyaksikan pelbagai aktiviti turut diadakan termasuk program keluarga angkat, pameran produk inovasi, ceramah motivasi dan kerjaya, aktiviti riadah serta gotong royong.

"Program sebegini turut membantu mempromosi UTeM sebagai universiti awam berfokus dalam bidang teknikal dikalangan masyarakat" ujar Ahmad Nawawi.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh yang juga Ahli Parlimen Besut turut berkesempatan meninjau dan beramah mesra dengan pelajar UTeM serta penduduk setempat. T turut hadir Setiausaha Politik Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Halim Jusoh, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid, pegawai kanan UTeM serta pemimpin masyarakat setempat.



PELAJAR UTeM SERTAI LATIHAN INDUSTRI DI BANGKOK

Seramai 12 orang pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyertai latihan industri di Bangkok Thailand dibawah Program Campus Connect Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)-Western Digital Malaysia.

Latihan industri melibatkan pelajar ijazah sarjana muda dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) UTeM itu bermula dari 28 Februari hingga 23 April depan.

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UTeM Prof. Dr. Mohd Ridzuan Nordin berkata, Program Campus Connect KPT-Western Digital itu merupakan program kerjasama strategik antara UTeM dengan Western Digital Malaysia untuk melahirkan graduan berkemahiran tinggi dan memenuhi kehendak pihak industri.

Beliau berkata, sepanjang latihan industri tersebut, pelajar UTeM akan diberi pendedahan dan latihan teknikal dalam bidang Teknologi Pemacu Cakera Keras (HDD) dan Teknologi Media selain merasai pengalaman bekerja di Western Digital yang merupakan syarikat pengeluar HDD terbesar dan paling pesat berkembang di dunia.

Menurut beliau lagi, kumpulan pelajar tersebut juga berpeluang untuk bekerja dengan pihak Western Digital Malaysia setelah selesai pengajian nanti sekiranya menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang latihan industri tersebut.

"Latihan industri ini adalah merupakan sebahagian program pengantarabangsaan pelajar yang telah dirancang dibawah program kerjasama strategik ini sejak UTeM menandatangani perjanjian dengan pihak Western Digital Malaysia pada 2011 yang lalu" ujar beliau.

Beliau memberitahu, UTeM dan Western Digital Malaysia telah membentuk jaringan kerjasama dalam pelbagai bidang meliputi perkongsian kepakaran, kursus teknikal, latihan industri, kemudahan penyelidikan dan pembangunan serta peluang pekerjaan kepada pelajar UTeM yang dilihat mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan universiti tersebut.

"Program kerjasama ini juga diharapkan akan menjadi pemangkin bagi meningkatkan kerjasama strategik antara universiti dengan pihak industri dalam membantu memacu ekonomi negara ke arah negara berpendapatan tinggi" ujar Mohd Ridzuan pada majlis makan malam program pengantarabangsaan pelajar Campus Connect KPT-Western Digital di Bangkok baru-baru ini.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Duta Besar Malaysia ke Thailand Datuk Nazirah Hussain, Pengarah Kanan Western Digital Malaysia Datuk Syed Hussian Aljunid, Naib Presiden Western Digital Thailand Sampan Silapanad dan Dekan FTK UTeM Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff.






utem_mon

UTeM Official Instagram
www.utm.edu.my


252 posts 3,27



ments [Follow](#)

Program Where Great Technical Careers Begin!

5 followers 0 following



UTeM, MPHTJ jalin kerjasama bantu Melaka capai status Negeri Bandar Teknologi Hijau



Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) akan mengadakan kerjasama strategik bagi mewujudkan sistem pengangkutan yang lestari sekaligus membantu negeri Melaka menjadi Negeri Bandar Teknologi Hijau menjelang tahun 2020.

Kerjasama di bawah Program Pemindahan Ilmu (KTP) itu akan melibatkan kawasan sekitar Ayer Keroh dan dijangka dapat memberi kesedaran mengenai kepentingan pengangkutan awam serta kaedah penggunaan pengangkutan darat yang lestari bagi mengurangkan penggunaan karbon di negeri ini.

Ketua Projek Dr. Chew Boon Cheong berkata, sepanjang program KTP ini berlangsung, UTeM akan bekerjasama dengan MPHTJ serta beberapa agensi lain dalam melaksanakan beberapa program pemindahan ilmu berkaitan penggunaan pengangkutan darat serta pemantapan pengetahuan berkenaan pengurusan pengangkutan yang melibatkan pihak MPHTJ serta masyarakat di sekitar Ayer Keroh.

Tambah beliau, UTeM dan MPHTJ juga akan bekerjasama menyediakan satu pelan tindakan atau blueprint serta penggunaan Sustainable Transport Appraisal Framework (STAF) yang akan digunakan sebagai garis panduan dalam usaha melestarikan penggunaan kenderaan dan pengangkutan di kawasan pentadbiran MPHTJ.

"Saya yakin melalui perkongsian ini ianya dapat membantu pihak MPHTJ dalam memahami dan mengadaptasi sistem pengurusan pengangkutan darat yang lebih lestari bertepatan dengan visi MPHTJ untuk menjadikan Hang Tuah Jaya sebagai kawasan perbandaran mampan berkonsepkan hijau" ujar beliau ketika ditemui selepas menghadiri mesyuarat pelaksanaan program itu bersama pihak MPHTJ baru-baru ini.

HARI PERPUSTAKAAN UTeM platform perkasa BUDAYA MEMBACA

Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan Hari Perpustakaan 2016 bertujuan untuk menyatakan kepentingan perpustakaan sebagai platform memperkasa budaya membaca dan gedung ilmu pengetahuan serta bermaklumat.

Ketua Pustakawan UTeM, Faridah Md Amin berkata, program tersebut merupakan kesinambungan daripada program yang pernah diadakan terdahulu seperti Festival Membaca dan Jom Borak yang bertujuan menarik minat para pelajar mengunjungi perpustakaan disamping mengurangkan persepsi pelajar bahawa perpustakaan sesuai untuk ulat buku.

Program yang telah berlangsung selama tiga hari bermula pada 2 hingga 4 Mac itu juga menjadi platform untuk menarik minat pelajar berkunjung ke perpustakaan sekaligus mempromosi peranan Perpustakaan UTeM yang telah beroperasi sejak tahun 2001.

"Pelbagai aktiviti menarik yang disediakan sepanjang program ini berlangsung, antaranya pertandingan monopoli elektronik, dam ular gergasi, roda impian, Library Treasure Hunt, permainan congkak, pengguna bertuah dan teka muka surat buku, pameran pangkalan data, gerai-gerai jualan dan Kaunter Bertemu Pelanggan" ujar beliau.

Faridah berkata, pihaknya merancang untuk menganjurkan program tersebut sebagai acara tahunan bagi menghidupkan suasana santai dalam perpustakaan sewaktu sesi pembelajaran dan memberikan dorongan serta semangat di samping membentuk modal insan yang cemerlang dari segi lahiriah dan rohaniah.

"Perpustakaan bukan sahaja terhad sebagai tempat menimba ilmu dan pusat rujukan, malah ia juga boleh dijadikan sebagai lokasi santai untuk melakukan aktiviti yang bermanfaat khususnya kepada para pelajar di waktu senggang" ujar beliau.





Zulfatria Abdullah  Jurufoto Rasmi Universiti 

UTeM KONGSI KEPAKARAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus menyemarakkan bidang penyelidikan dan inovasi di negara ini melalui perkongsian kemahiran dimiliki oleh universiti tersebut dengan komuniti pendidikan setempat.

Program pembangunan produk penyelidikan anjuran Fakulti Teknologi Kejuruteraan UTeM (FTK) menyaksikan UTeM menjalinkan kerjasama dengan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Muar bagi membimbing pelajar maktab tersebut menghasilkan produk penyelidikan yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Pengarah program Muhamad Azwar Azhari berkata, kerjasama itu memperlihatkan pelajar MRSM Muar mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada pensyarah FTK UTeM yang berpengalaman luas dalam pertandingan penyelidikan dan inovasi.

Program itu juga menyaksikan para pelajar MRSM Muar diberikan peluang untuk menggunakan kemudahan makmal-makmal FTK berteknologi tinggi di Kampus Teknologi Ayer Keroh.

"Program ini menyerlahkan komitmen universiti khususnya FTK UTeM untuk berkongsi kemahiran dan kepakaran melalui penyelidik UTeM bagi membantu pelajar MRSM Muar menghasilkan produk-produk yang berimpak tinggi dan berkualiti" ujar beliau.

Jelas beliau, menerusi program itu sebanyak dua projek iaitu Mobile Temperature Detecting Device for Cooling Tower dan Application Feasibility of Vegetable Oil as Alternative Lubricant for Lubricant Substitution telah dibangunkan secara bersama sebagai persiapan MRSM Muar untuk menghadapi Projek Tunas Saintis MRSM peringkat kebangsaan yang akan berlangsung di Besut, Terengganu pada 30 Januari hingga 1 Februari nanti.

Sementara itu, Dekan FTK UTeM Profesor Madya Mohd Rahimi Bin Yusoff ketika ditemui berkata, UTeM sebagai sebuah universiti yang berfokus turut memberikan penumpuan kepada perkembangan dalam bidang penyelidikan dan inovasi melalui penubuhan pelbagai pusat kecemerlangan pendidikan (CoE) bagi memenuhi keperluan pembangunan negara.

"Saya percaya program ini merupakan satu kaedah perkongsian pintar dalam jaringan pendidikan yang boleh melibatkan pihak universiti dengan para pelajar dari sekolah, kolej dan politeknik dalam menggalakkan penerokaan aktiviti penyelidikan yang berinovasi dan kreatif" ujar beliau.

Menurut beliau lagi, program seperti itu akan diteruskan lagi pada masa hadapan dan akan terus komited untuk turut sama membantu memacu potensi kerjasama antara UTeM dengan komuniti setempat dalam bidang penyelidikan dan inovasi.





Zulfatria Abdullah  Jurufoto Rasmi Universiti 

Penyelidik UTeM menyinar dalam MTE 2016

Penyelidik dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mempamerkan kecemerlangan dalam inovasi dengan meraih empat pingat emas, lima perak, tujuh gangsa dan tiga anugerah khas dalam Pameran Teknologi Malaysia (MTE) yang telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor berkata, dalam pameran anjuran Malaysia Association of Research Scientist (MARS) itu, UTeM telah menghantar 17 produk penyelidikan untuk dipertandingkan serta dipamerkan sepanjang pameran tersebut berlangsung.

Beliau berkata, pingat emas telah dimenangi oleh pensyarah Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) Prof. Madya Dr Mohd Asyadi Azam Mohd Abid melalui produk Advanced Prototype Of Graphene Supercapacitor yang turut merangkul anugerah khas. Manakala Dr. Raja Nor Firdaus Kashfi Raja Othman dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) turut memenangi pingat emas dan anugerah khas melalui kejayaan produk High Torque-Power Density Permanent Magnet Machine.

Selain itu, pingat emas juga turut disumbangkan oleh Tarmizi Ahmad Izzudin dari FKP melalui produk penyelidikan Mind X Gyro Wheelchair System dan Prof. Madya Ir. Dr. Puvanasvaran A. Perumal dari FKP dengan produk Performance Benchmarking Through LEMIS For ISO14001 Practitioner.

Manakala pingat perak disumbangkan oleh Zul Hasrizal Bohari (FKE) dengan produk Bioelectricity: Microbial Fuel Cell At Sewage Treatment Plant (STP) yang turut meraih anugerah khas, Mahasan Mat Ali (FKP) dengan produk Waste Kinetic Energy Recovery System, Dr. Kok Swee Long dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dengan produk E-Sense Pathway, Nor Haslinda Ismail dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dengan produk Rakan Keselamatan Universiti (RKU) dan Dr Massila Kamalrudin juga dari FTKM dengan produk MobiMReq: An Automated Security Requirements Validation Tools For Mobile Application Development.

Pingat gangsa pula berjaya diraih oleh Prof. Madya Dr. Gan Chin Kim (FKE), Prof Madya Dr Zahriladha Zakaria (FKEKK), Mohamad Fani Sulaima (FKE), Dr. Ahmad Anas Yusof dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Dr. Mohd Shahir Bin Kasim (FKP), Khairun Nisa Binti Khamil (FKEKK) dan Dr. Massila Binti Kamalrudin (FTMK).

"Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penyelidik yang telah membuktikan kecemerlangan dan kemampuan

dalam mencetuskan daya inovasi yang tinggi menerusi produk penyelidikan bermutu tinggi" ujar beliau ketika ditemui semasa majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang.



 **MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO 2016**
18 - 20 February 2016 • Putra World Trade Centre • Kuala Lumpur
www.mte.org.my

"Para penyelidik UTeM yang berminat untuk memaparkan artikel berkaitan penyelidikan dan inovasi boleh menghantarkan maklumat tersebut melalui emel kepada zulfatria@utem.edu.my atau nurnadhirah@utem.edu.my. Tertakluk kepada syarat dan peraturan."



MERD 2016 tingkat penyelidikan universiti

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menganjurkan Hari Penyelidikan Kejuruteraan Mekanikal (MERD 2016) bertujuan meningkatkan hasil penyelidikan sains mekanikal dan teknologi kejuruteraan dikalangan warganya.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UTeM Prof. Madya Dr. Noreffendy Tamaldin berkata, program yang berlangsung di Kampus Teknologi Ayer Keroh itu juga bertujuan meningkatkan jaringan kerjasama antara semua penyelidik.

Menurut beliau, pihaknya yakin penganjuran aktiviti-aktiviti bersempena MERD 2016 itu seperti persembahan poster dan penerbitan artikel akan membantu penyelidik UTeM menghasilkan produk penyelidikan yang berkualiti dan berimpak tinggi.

"Alhamdulillah, program ini telah mendapat sambutan yang cukup positif berbanding pada tahun sebelum ini dimana pada tahun ini sebanyak 196 penyertaan dari pelbagai fakulti telah diterima bagi penerbitan artikel" ujar beliau.

Beliau berkata, sebagai sebuah universiti teknikal awam pertama di negara ini, UTeM sentiasa memberikan galakan dan ruang penyelidikan yang terbuka luas kepada semua warganya dalam menzahirkan kebijaksanaan, daya kreativiti dan inovasinya dengan menghasilkan produk penyelidikan yang berdaya saing dan tinggi kualitinya.

"Penganjuran program ini juga turut memberi peluang kepada penyelidik muda mendapatkan khidmat nasihat serta konsultasi daripada penyelidik UTeM yang berpengalaman bagi melahirkan penyelidik yang cemerlang yang mampu menyumbang elemen positif dalam pertumbuhan ekonomi negara ini" ujar beliau lagi

Noreffendy memberitahu, program yang mendapat kerjasama Pusat Penyelidikan Tenaga Termaju UTeM (CARE) itu juga merupakan antara inisiatif strategik yang

dilaksanakan oleh universiti tersebut dalam memperkasakan bidang penyelidikan dan inovasi bagi memacu penyelidikan terkini untuk memenuhi permintaan pasaran dalam menyokong industri dan komuniti tempatan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Muhamad.



UTeM BANTU TINGKAT PENGUASAAN BAHASA INGGERIS

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Yayasan Melaka (YM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka berganding bahu melaksanakan Program Lonjakan Pencapaian Bahasa Inggeris Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

Program yang bermula Mac lalu hingga Ogos itu melibatkan 50 buah sekolah rendah dengan penyertaan pelajar seramai 1300 orang.

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Prof. Dr. Mohd Ridzuan Nordin berkata, program tersebut dirancang bagi meningkatkan pencapaian Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah negeri ini serta melengkapkan para pelajar dengan kemahiran berkomunikasi dan menulis dalam bahasa tersebut.

"Sekolah-sekolah yang dipilih adalah merupakan sekolah luar bandar yang mempunyai keputusan Bahasa Inggeris UPSR kurang memuaskan dan pemilihan ini dibuat berdasarkan cadangan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Melaka" ujar beliau.

Jelas beliau, sepanjang program itu berlangsung, UTeM berperanan dalam penyediaan modul bagi sesi pembelajaran dan pakar bahasa terdiri daripada kakitangan akademik, pengendalian sesi penilaian untuk peserta terlibat serta penyediaan laporan keberkesanan.

"Selain itu, UTeM juga menyediakan tenaga fasilitator seramai 240 orang terdiri daripada pelajar UTeM yang mempunyai kelulusan Band 3 dalam peperiksaan Bahasa Inggeris Universiti Malaysia (MUET) bagi membantu proses pelaksanaan dan pengajaran semasa program tersebut berlangsung" ujar beliau ketika ditemui di Kampus Induk UTeM Durian Tunggal, di sini.

Beliau memberitahu, penglibatan pelajar UTeM itu juga merupakan salah satu usaha untuk mengembangkan bakat dan potensi diri mereka bagi membentuk sahsiah diri yang dapat menerapkan nilai kesukarelawanan dalam memberikan khidmat kepada komuniti setempat.

"Bagi memastikan program ini berjalan lancar dan mencapai matlamatnya, pihak kami turut mengadakan sesi taklimat kepada guru-guru sekolah yang terlibat serta penglibatan para fasilitator dalam program Training of Trainer (ToT) bagi meningkatkan lagi kaedah penyampaian semasa sesi pengajaran" ujar beliau.

Menurut Ridzuan, penglibatan pihaknya dalam program tanggungjawab sosial korporat itu bertepatan dengan misi universiti tersebut untuk bekerjasama dengan semua pihak bagi meningkatkan perkongsian ilmu antara universiti dan komuniti sekaligus menyokong usaha Kerajaan Negeri dalam memartabatkan bidang pendidikan di negeri bersejarah itu.



FKE, FKM johan KIK UTeM 2016

Kumpulan Go Save dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Kumpulan Go-Green dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah dinobatkan sebagai johan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat UTeM yang berlangsung pada 20 Januari yang lalu.

Kumpulan Go-Save FKE yang mempertaruhkan projek Penggunaan Pendingin Hawa Yang Tidak Sistematis muncul sebagai johan dalam kategori pengurusan. Tempat kedua pula diraih oleh Kumpulan Income dari Pejabat Pendaftar manakala Kumpulan Tech & Go dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) di tempat yang ketiga.

Sementara itu, Kumpulan Go-Green FKM muncul sebagai johan dalam kategori teknikal melalui projek e-Attendance. Kumpulan FTK-One dari FTK pula ditempat kedua dan Kumpulan G-Mart dari Pejabat Pembangunan meraih tempat ketiga.

Timbalan Pendaftar Kanan Pejabat Pendaftar Wahi Nordin berkata, Konvensyen KIK UTeM itu telah menyaksikan sebanyak lapan projek dari tujuh Pusat Tanggungjawab (PTJ) dipertandingkan bagi memilih wakil UTeM ke pertandingan KIK peringkat universiti awam.

Menurut beliau, konvensyen itu merupakan platform terbaik kepada warga universiti teknikal tersebut untuk mempamerkan projek inovasi dan menterjemahkan amalan peningkatan kualiti serta menyemarakkan budaya inovasi di peringkat universiti.

"Konvensyen ini juga dapat menjana kreativiti berterusan bagi mencetus inovasi supaya UTeM berupaya menempa impak yang tinggi dalam merealisasikan agenda dan aspirasi di peringkat universiti, kementerian dan negara kearah meningkatkan mutu perkhidmatan awam" ujar beliau.

Jelas beliau lagi, usaha menjadikan elemen inovasi sebagai pemangkin kecemerlangan perlu diterapkan kepada semua staf di pelbagai peringkat bermula daripada pengurusan kanan sehingga kepada kumpulan pelaksana.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang telah diadakan di Kampus Teknologi Ayer Keroh dan disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib yang turut dihadiri oleh pengurusan kanan universiti, Dekan-dekan fakulti serta wakil-wakil dari PTJ.

Johan pertandingan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM5,000, tempat kedua RM3,000, tempat ketiga RM2,000, plak dan sijil penarafan.



Lawatan Kelab Pemandu UTeM ke UniMAP ERAT HUBUNGAN



Kelab Pemandu Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan lawatan ke Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada 10 hingga 12 Feb yang lalu bagi berkongsi pengalaman dan kemahiran dalam bidang pemanduan.

Pengerusi Kelab Pemandu UTeM Hadzmir Hasan berkata, program julung kali diadakan itu telah disertai oleh seramai 40 orang pemandu dan 7 orang staf dari Pejabat Pengurusan Kenderaan UTeM.

Beliau berkata, program tersebut juga bertujuan untuk mengukuhkan jalinan ukhwa dan hubungan silaturrahim antara kedua-dua pihak melalui pelbagai aktiviti yang telah dianjurkan sepanjang lawatan tersebut.

"Pihak UniMAP telah menyediakan pelbagai aktiviti termasuk sesi taklimat pemanduan berkesan, perbincangan dua hala, perlawanan persahabatan bolasepak, badminton, ping pong dan karom bagi mengukuhkan lagi silaturrahim di antara pemandu UTeM dan UniMAP" ujar beliau.

Ujar Hazmir lagi, pihaknya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengurusan UniMAP yang telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang mereka berada disana.

"Saya berharap semua pemandu UTeM yang terlibat dalam lawatan ini dapat menggunakan pengalaman yang telah diperolehi bersama dalam menambahbaik lagi aspek keselamatan dan gaya pemanduan semasa bertugas di jalan raya" ujar beliau.

Pasukan Rowing UTeM HARUMKAN NAMA UNIVERSITI

Pasukan Rowing Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah muncul sebagai naib johan keseluruhan pada kejohanan Indoor Rowing peringkat kebangsaan yang berlangsung di Batu Pahat baru-baru ini.

Dalam kejohanan anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi merebut Piala Timbalan Naib Canselor itu, pasukan Rowing UTeM telah berjaya meraih dua pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid berkata, pasukan Rowing UTeM telah mempamerkan komitmen dan disiplin yang tinggi sekaligus berjaya menjulang nama UTeM dalam kejohanan ini.

Beliau berkata, kejayaan itu membuktikan kemampuan pelajar UTeM untuk turut cemerlang dalam bidang sukan selain daripada bidang akademik.

"Pihak universiti amat berbangga dengan kejayaan yang diperolehi pasukan rowing UTeM ini dan berharap agar momentum kecemerlangan ini akan dapat dikekalkan dalam kejohanan-kejohanan yang lain terutamanya pada Kejohanan MASUM yang akan diadakan pada bulan April nanti" ujar beliau.

Jelas beliau lagi, kejayaan itu juga diharapkan dapat menyuntik semangat pelajar UTeM yang lain untuk terus berusaha dengan lebih gigih bagi memperolehi kejayaan dalam bidang yang diceburi khususnya dalam bidang sukan.



KAYUHAN SANTAI PUPUK GAYA HIDUP SIHAT WARGA UTeM

Bagi mewujudkan masyarakat yang cergas terutamanya dikalangan warganya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan program kayuhan santai bersama Naib Canselor universiti tersebut pada 21 Januari yang lalu.

Program anjuran *UTeM Xtrem Cycling Team Staf (UTeM-XCT'S)* itu bertujuan mempromosi sukan berbasikal dikalangan warga UTeM bagi melahirkan masyarakat yang sihat dan cergas.

Pengarah program Mohd Khairul Akmal bin Mohd Noor berkata, program tersebut juga bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan silaturrahim antara pengurusan universiti dengan seluruh warga UTeM tanpa mengira pangkat dan usia.

"Alhamdulillah, program ini mendapat kerjasama yang baik daripada Naib Canselor Prof Datuk Dr. Shahrin Sahib serta seluruh warga universiti, serta berjaya mencapai matlamatnya untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar serta menyokong usaha Kerajaan Negeri Melaka dalam merealisasikan matlamat Negeri Bandar Teknologi Hijau menjelang 2020 nanti", jelas beliau.

Kayuhan yang melibatkan jarak sejauh 10 kilometer itu telah bermula di Tapak Ko-Kurikulum UTeM Kampus Induk Durian Tunggal dan melibatkan penyertaan seramai 100 orang peserta.

Turut menyertai kayuhan ialah Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasilitas) Prof. Datuk Dr. Zolkepli Buang, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Prof. Mohd Ridzuan Nordin, Dekan-dekan serta Pusat Sukan UTeM.



UPCOMING EVENTS



English
2-2
ABC

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Auditorium Canselor | 10 Mac 2016
UTeM | 1 Jamadilakhir 1437 H

TAKLIMAT PROGRAM LONJAKAN PENCAPAIAN BAHASA INGGERIS UPSR 2016

Yayasan Melaka | Universiti Teknikal Malaysia Melaka | Jabatan Pendidikan Melaka
Anjuran | Pejabat Penolong Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat, UTeM



CREATIVE
LEARN
EDUCATION

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

ICOHAT 2016
INTERNATIONAL CONFERENCE ON HUMANITIES AND TECHNOLOGY

Selected papers will be published in SCOPUS indexed publication

INTERNATIONAL CONFERENCE ON HUMANITIES AND TECHNOLOGY (ICOHAT 2016)

Organized by Center for Languages and Human Development & C-Ted (Center of Technopreneurship Development), IPTK

17-18 August 2016
Avillion Hotel Melaka, Malaysia



MEDIA SOSIAL UTeM

-  MyUTeM
-  UTeM_my
-  utem_moments

scan this!



www.utem.edu.my